

04 MAY 1998

Rahim-NGO

POLIS JEJAKI NGO BERI MAKLUMAT PALSU KEPADA MEDIA ASING

KOTA KINABALU, 4 Mei (Bernama) -- Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor hari ini berkata polis sedang menjejaki pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan dan pemimpinnya yang dikatakan memberi maklumat palsu kepada media asing berhubung layanan pihak berkuasa negara ini terhadap pendatang tanpa izin.

Antara maklumat palsu berkenaan ialah kononnya pendatang tanpa izin di negara ini telah diracun secara beramai-ramai dan dibunuh di kem-kem tahanan seperti yang dilaporkan oleh dua akhbar Britain baru-baru ini.

"Polis tahu siapa NGO ini dan kita juga tahu individu-individu di dalam NGO berkenaan dan kita sekarang sedang menjejaki mereka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyampaian Darjah Kepahlawanan Pasukan Polis, di ibu pejabat polis kontinjen Sabah dekat sini.

Beliau berkata polis akan mengambil tindakan sesuai terhadap NGO terbabit yang menurutnya hanya berminat untuk mencari kelemahan pihak berkuasa.

Abdul Rahim bagaimanapun enggan memberi butiran mengenai identiti NGO berkenaan sambil berkata ia hanya membabitkan satu atau dua NGO.

Apabila ditanya sama ada terdapat pemimpin-pemimpin NGO yang sudah disoalsiasat berhubung perkara itu, beliau berkata: "Tunggulah."

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa sebuah NGO di negara ini telah bertindak sebagai pemberi maklumat palsu kepada The Observers dan The Independent yang menyiarkan berita palsu mengenai layanan terhadap pendatang tanpa izin di negara ini.

Kata Abdul Rahim: "Sekarang ini semua orang mahu panggil NGO. Seolah-olah NGO ini boleh menjadi kebal dan boleh buat apa sahaja yang mereka suka."

Beliau berkata NGO ini sangat berminat untuk mencari kesilapan dan kelemahan pihak berkuasa tetapi apabila kerajaan membuat sesuatu yang baik, mereka tidak langsung mengulasnya.

Pertubuhan bukan kerajaan itu juga memberi gambaran seolah-olah pihak berkuasa negara ini hanya bertugas untuk menganiaya, katanya.

"NGO ini mempunyai pandangan yang berprasangka bahawa hasrat pihak berkuasa hanya memberi layanan kejam... Mereka tidak ambil berat untuk bertanya bagaimana dan kenapa satu kumpulan pendatang tanpa izin, misalnya di kem tahanan sementara di Semenyih, boleh mempunyai senjata tajam," katanya.

Dalam perkembangan lain, Rahim mengarahkan polis Sabah membuat penyiasatan dalaman berikutan penangkapan seorang inspektor polis yang terbabit dalam pengedaran dan penjualan ubat batuk di Sabah baru-baru ini.

Rahim berkata pegawai polis yang bertugas di ibu pejabat bahagian anti-narkotik itu kini menjalani tahanan reman sementara menunggu perbicaraan.

"Kita mungkin mencadangkan agar beliau dikenakan tindakan tatatertib termasuk buang kerja kerana telah mencemar nama baik polis," katanya.

-- BERNAMA

NT NMO